

## **SIARAN AKHBAR**

### **PESTA SUKAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM 2009 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam 2009 akan diadakan bermula Sabtu ini, 6 Mac hingga 13 Mac 2010. Ianya merupakan gabungan dari dua kejohanan yang berbeza iaitu Kejohanan Sukan Antara Kementerian-Kementerian Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Kejohanan Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam kelolaan Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

Ianya bertujuan untuk melaksanakan "Dasar Sukan Negara" khasnya dalam "Sukan Untuk Masyarakat", untuk memajukan sukan seiring dengan pembangunan sosial ekonomi dan pembangunan kerohanian serta memberi peluang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan disemua peringkat dan bahagian supaya bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti sukan secara terpinpin dan teratur. Disamping itu, ianya dapat memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dikalangan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan serta mencungkil bakat dan meningkatkan mutu sukan khasnya dikalangan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang sebahagiannya terdiri daripada golongan belia yang mempunyai potensi untuk menjadi ahli sukan negara. Pesta Sukan Kementerian-Kementerian

Sempena Hari Perkhidmatan Awam 2009 adalah sebagai salah satu usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan untuk menjadikan aktiviti-aktiviti sukan bukan

hanya semata-mata untuk kecemerlangan tetapi ianya juga untuk kecergasan, kesihatan fizikal dan mental serta perpaduan.

Sebanyak 11 acara sukan akan dipertandingkan iaitu bola jaring, bola tampar, olahraga, sepak takraw, badminton, dart, futsal, tenpin bowling, pool 9 ball, tarik kalat dan gasing. Sementara jumlah keseluruhan pingat yang akan menjadi rebutan untuk Pesta Sukan Kementerian kali ini adalah sebanyak 140 pingat iaitu 45 pingat emas, 45 pingat perak dan 50 pingat gangsa.

Mengenai dengan venue-venue pertandingan, pihak penganjur Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam 2009 telahpun menetakannya seperti berikut:

ACARA SUKAN	TEMPAT
Upacara Pembukaan Rasmi	Kompleks Sukan Padang dan Belapan, KSNHB
Upacara Penutupan Rasmi	Kompleks Sukan Padang dan Belapan, KSNHB
Bola Jaring	Kompleks Sukan Tutong
Bola Tampar	Dewan Serbaguna, KSNHB
Olahraga	Kompleks Sukan Padang dan Belapan, KSNHB
Sepak Takraw	Kompleks Sukan Menglait
Badminton	Pusat Belia, BSB
Dart	Kelab Perkhidmatan Awam, Mentiri
Futsal	Stadium Tertutup, KSNHB
Tenpin Bowling	Pusat Utama Bowling, BSB
Pool 9 Ball	Dewan Billiard dan Snuker II, Stadium Negara Hassanal Bolkiah
Tarik Kalat	Kompleks Sukan Berakas
Gasing	Gelanggang Gasing, KSNHB

Bagi memeriahkan lagi Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam 2009, orang ramai adalah dialu-alukan hadir sepanjang kejohanan tersebut dijalankan. Sementara Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang ikut serta adalah dimestikan hadir semasa Upacara Pembukaan Rasmi Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam 2009 pada hari Sabtu, 6 Mac 2010 bertempat di Kompleks Sukan Padang dan Belapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas jam 7.30 malam.

Tarikh:       16 Rabiulawal 1431  
              02 Mac 2010